

UMS, UUM jayakan Program Sabah Ku Semai Bakti dan Agro Keusahawanan

NST 27.1.16 9

RANAU: Program Sabah Ku Semai Bakti dan Agro Keusahawanan yang dijayakan bersama pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM) dan pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) mampu melahirkan pelajar berwibawa serta berwawasan.

Menurut Pengarah programnya, Cik Noor Syazatul Madinah Muhammad Basri ketika ditemui berkata, menerusi program seumpama itu, para pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) terlibat dapat mengenali dan memahami budaya serta adat resam penduduk tempatan di Sabah.

“Aktiviti yang dijalankan selain memupuk semangat kerjasama dalam kalangan peserta malah berkenal mesra dengan penduduk kampung selain mempelajari pengurusan dan pengendalian usahawan tani sekaligus menyemai sifat kesukarelaan dalam melaksanakan kerja-kerja amal,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas program itu yang diadakan di Kampung Silou dekat sini bermula 17 Januari dan berakhir 21 Januari lalu.

Jelasnya, pelbagai aktiviti telah diadakan sepanjang program itu termasuklah aktiviti kemasyarakatan iaitu bergotong-royong, mengecat bangunan Masjid Nur Hikmah Kg. Silou, sukaneka, tayangan korporat dan

banyak lagi.

“Kami juga berkesempatan mejelajah UMS, melawat ke kawasan Kundasang, ke Pusat Pendidikan Islam & Tahfiz (Sahabat Prihatin Sabah), melawat Desa Cattle Farm dan persembahan UMS & UUM mengakhiri aktiviti pada hari terakhir”, tambah Noor Syazatul Nadia.

Beliau menyifatkan program itu berjaya mencapai matlamatnya dan banyak memberi pengetahuan dan pengalaman baharu kepada 42 pelajar iaitu 13 orang dari UMS dan selebihnya dari UUM.

“Kami merekamkan ucapan terima kasih kepada masyarakat Kg. Silou yang banyak memberi kerjasama membimbing para pelajar dalam menjayakan program yang telah berjalan dengan lancar serta teratur.

“Kami juga berterima kasih kepada kumpulan serta individu penyumbang nadi kejayaan program kami itu, ADUN Guar Saji, Haji Jaffri Othman, Ahmad Effendi Bin Anuar Shah, Ahmad Khusairi Bin Anuar Shah, Abisabi Enterprise dan Zaiton Binti Talib”, tambahnya.

Terdahulu Pengerusi Masjid Nur Hikmah, Mohd. Hasbi mewakili penduduk dan Jawatankuasa masjid berterima kasih kepada pelajar UUM dan UMS kerana memilih Kg. Silou sebagai lokasi mengadakan program



GOTONG ROYONG... Para pelajar bergotong-royong mengecat bangunan Masjid Nur Hikmah Kg. Silou Ranau.

mereka tahun ini dan menyifatkan banyak membantu mengerjakan aktiviti kemasyarakatan dan kebajikan seperti ‘gotong royong’ mengecat bangunan masjid.

“Kerja-kerja mengecat telah siap dengan cepat membuktikan komitmen serta keprihatinan semua pelajar terlibat”, tambah Hasbi. **-OLEH ADUKA JASNIN SUMAN**



ALBUM... Para pelajar UUM dan UMS merakam gambar kenangan bersama Pelajar Pusat Pendidikan Islam & Tahfiz Masjid Nur Hikmah Kg. Silou Ranau.



CENDERAHATI... Cik Noor Syazatul menyampaikan cenderahati kepada Hasbi.